

TR 14:8:75

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN HARI WANITA DI PADANG KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR PADA 30HB OGOS, **1975**

Tan Sri Fatimah, Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, Ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan-pertubuhan Anggota, Dif-dif yang terhormat, Puan-puan sekalian.

Saya berasa amat bangga kerana dapat hadir bersama-sama di Perhimpunan dan Perbarisan Hari Wanita pada petang ini.

Perhimpunan ini yang julung kali diadakan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, jelas menunjukkan perpaduan yang erat di kalangan kaum wanita dari berbagai bangsa di negara kita ini.

Perhimpunan ini lebih bermakna lagi kerana diadakan sempena menyambut Tahun Wanita Antarabangsa dan juga menyambut Hari Kebangsaan kita yang jatuh esok.

Puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang kita maklum, Hari Wanita adalah dirayakan tiap-tiap tahun pada 25 haribulan Ogos yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang peranan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Kaum Wanita Malaysia dalam pembangunan negara dan juga kejayaan mereka memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.

Kerajaan yang saya pimpin hari ini sentiasa memberikan perhatian yang berat terhadap kemajuan kaum wanita supaya mereka dapat memainkan peranan serta mengambil bahagian yang sewajarnya dalam pembangunan negara. Dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita khasnya oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia ini, maka usaha-usaha bagi menjaga hak dan meninggikan taraf dan kedudukan kaum wanita selama ini telah banyak mencapai kejayaan.

Sebagaimana yang saya nyatakan ketika merasmikan Perhimpunan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan minggu lalu, segala peluang dan kemudahan adalah diberi kepada kaum wanita untuk sama-sama maju dalam kehidupan negara. Peluang-peluang pekerjaan yang banyak telah diberi kepada wanita dalam berbagai lapangan hinggakan saya pernah mendapat komplimen dari pihak lelaki kerana memberi pekerjaan seperti Polis dan Tentera dan lain-lain lagi yang sepatutnya diberi kepada kaum lelaki.

Dari segi menjaga hak dan kepentingan mereka, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah seperti memberi gaji sama, kemudahan kebajikan yang lebih baik dan bagi mereka yang telah berumah tangga, kita telah adakan undang-undang keluarga yang lebih sempurna untuk memberi perlindungan dan menjamin kedudukan mereka. Semuanya ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa menjaga hak dan kepentingan mereka.

Baru-baru ini pula dengan berkat usaha kaum wanita juga, Kerajaan telah bersetuju dengan penubuhan sebuah badan yang dipanggil Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Kaum Wanita Dalam Pembangunan. Dengan adanya Majlis ini dapatlah kita atur dan sesuaikan segala gerakan supaya kaum wanita dapat memberikan sumbangan yang lebih bermakna untuk faedah wanita seluruhnya.

Majlis ini dijangka dapat bertindak sebagai badan penyelaras, perunding dan penasihat kepada Kerajaan terutama dalam hubungan Kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang ada di negara kita.

Majlis ini diharap akan dapat juga mewujudkan kesedaran kebangsaan di kalangan wanita tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara. Melalui Majlis ini juga Kerajaan berharap akan dapat mengintegrasikan dengan sepenuhnya segala gerakan wanita dalam rancangan menjalankan pembangunan yang lebih berkesan di negara ini.

Salah satu daripada bidang pembangunan yang dapat diisi serta dijayakan oleh kaum wanita ialah pendidikan anak-anak dan urusan rumahtangga. Kerajaan dalam usahanya mengawal pertumbuhan penduduk serta meninggikan taraf kesihatan ibu dan

anak, terutama di kalangan masyarakat luar bandar, telah banyak menumpukan perhatian dan memberi bimbingan kepada ibu-ibu dan bakal-bakal ibu tentang kesihatan, pemakanan atau nutrition, rawatan dan sebagainya. Dengan demikian kita berharap akan meningkatkan taraf kesihatan ibu dan anak yang mana akan menjamin keluarga yang sihat serta cerdas otak bagi jenerasi akan datang.

Dalam pada itu, saya rasa kaum wanita sendiri tidaklah seharusnya bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan sahaja tetapi sebaliknya hendaklah berusaha dengan sepenuh tenaga mereka sendiri untuk mengatasi sebarang masalah yang mereka hadapi. Mereka hendaklah berusaha menyedarkan kaum wanita tentang perlunya sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya untuk membolehkan mereka memahami dan menyesuaikan diri dengan masalah dan cabaran yang dihadapi dari perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka- Pendek kata, mereka hendaklah berdikari dalam segala usaha dan kegiatan mereka.

Puan-puan sekalian,

Kebetulan pula tema perayaan Hari Kebangsaan kita tahun ini ialah "Masyarakat Berdikari". Tidaklah perlu saya tegaskan betapa mustahaknya kita sebagai rakyat negara yang merdeka berdikari dalam segala usaha yang kita lakukan. Kerajaan sendiri semenjak mencapai kemerdekaan sembilan belas tahun yang lalu telah berusaha berdikari dalam segala bidang kehidupan negara.

Dari segi luar negeri, kita telah menyarankan konsep rantau aman, bebas dan berkecuali bagi Asia Tenggara semata-mata kerana kita yakin bahawa hanyalah dengan rantau ini dijadikan kawasan yang aman dan bebas dari sebarang pengaruh kuasa-kuasa besar, kita dapat hidup dengan aman dan bebas untuk membangunkan negara dengan cara kita sendiri. Begitu juga dalam bidang ekonomi dan pertahanan kita telah cuba seberapa boleh untuk mengurangkan pergantungan kepada bantuan luar dalam melaksanakan rancangan pembangunan kita.

Apa yang penting dan mustahak ialah rakyat sendiri hendaklah menanam dan mengamalkan semangat berdikari ini setiap masa kerana hanya dengan adanya semangat semacam ini dapat kita menegakkan sebuah masyarakat yang kuat dan maju dan mendapat tempat sewajarnya di kalangan negara-negara di dunia.

Dalam hubungan ini, saya sukacita kaum wanita kita sendiri menyadari hal ini dan telah memberi kerjasama dan memainkan peranan aktif dalam usaha-usaha Kerajaan terutama dalam menjayakan Rancangan Buku Hijau. Hasil kejayaan Rancangan Buku Hijau ini kita telah dapat mengeluarkan barang-barang keperluan kita sendiri dan dengan itu pula telah mengurangkan tekanan inflasi yang kita hadapi semenjak setahun yang lalu.

Saya harap usaha berdikari dalam membaiki kehidupan kita ini akan diteruskan bukan sahaja Rancangan Buku Hijau tetapi juga dalam segala bidang kehidupan kita.

Begitu juga dalam masa negara menghadapi kegentingan ekonomi dan kekurangan wang sekarang ini, kaum wanita terutama suri-suri rumahtangga hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan dengan berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir dalam urusan rumah tangga supaya dengan itu kita dapat bukan sahaja menolong diri sendiri bahkan menolong negara kita menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi yang kita hadapi sekarang.

Dengan berkurangnya pendapatan negara akibat turunnya sedikit harga barang-barang mentah kita di pasaran dunia, adalah sukar bagi Kerajaan hendak menambahkan perbelanjaan negara terutama perbelanjaan berulang. Oleh itu saya berharap rakyat akan memahami kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan dan menunjukkan pandangan yang sempurna dan semangat taat setia kepada Kerajaan dalam usahanya hendak mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang ini.

Puan-puan sekalian,

Pada masa akhir-akhir ini dan kebetulan sempena Tahun Wanita Antarabangsa, telah banyak diperkatakan tentang "Women's Lib". Saya percaya di Malaysia ini kaum wanita kita sudahpun liberated dalam erti kata mereka mendapat hak dan taraf yang sama dengan kaum lelaki boleh dikatakan dalam semua bidang kehidupan. Saya harap perjuangan "Women's Lib" ini tidaklah disifatkan sebagai perjuangan menuntut hak, taraf dan kebebasan yang tidak ada batasnya.

Kaum Wanita dijadikan Tuhan dengan beberapa sifat yang tidak sama dengan kaum lelaki yang diakui oleh kaum wanita sendiri. Oleh itu saya berharap kebebasan yang diperjuangkan

oleh kaum wanita itu tidaklah sampai menjejaskan tata susila dan kesopanan dan juga sifat-sifat mereka sebagai suri-suri rumah-tangga. Begitu juga saya harap perjuangan "Women's Lib" ini tidaklah semata-mata berasaskan nilai-nilai yang terdapat dalam kehidupan negara-negara Barat. Kita tidak semestinya menurut nilai-nilai yang terdapat di luar negara kita dan sepatutnya kita mempertahankan sifat-sifat dan nilai-nilai ketimuran kita sendiri semacam ini, saya percaya kebebasan yang dikehendaki oleh kaum atau nilai-nilai yang sesuai dengan negara kita. Dengan cara semacam ini, saya percaya kebebasan yang dikehendaki oleh kaum wanita itu akan menepati kehendak-kehendak mereka sendiri dengan tidak menyentuh kedudukan mereka sebagai kaum yang dijadikan Tuhan yang mempunyai sifat-sifat yang berlainan daripada kaum lelaki.

Puan-puan sekalian,

Akhir kata, saya suka mengucapkan tahniah kepada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia kerana berjaya mengadakan Perhimpunan yang besar dan meriah untuk merayakan Hari Wanita tahun ini. Saya percaya dengan pimpinan yang aktif dan penuh dedikasi, maka usaha-usaha yang baik Majlis ini untuk kebajikan dan kepentingan kaum wanita seluruhnya di negara kita akan mencapai kejayaan.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Hari Wanita tahun ini.